

553:
PROFMAIL-MAHATHIR (BERNAMA)

OLEH JAAFAR HUSSIN: 05/03/1976

NAMANYA SERING BERSANGKUTAN DENGAN KONTROVERSI TETAPI TIDAK DAPAT DISANGKAL DIA IALAH SEORANG KLASIK YANG BOLEH REBAH BANGUN. ORANG LAIN TENTU TIDAK SANGGUP BANGUN SETELAH DIBUANG, TETAPI DR. MAHATHIR MOHAMED KEMBALI SEMULA KEPANGKUAN KEKUASAAN SECARA MENAKJUBKAN DAN MEMPEROLEHI PENGHURMATAN LEBIH BESAR DARI PADA KAWAN DAN LAWAN.

BELIAU BALIK DARIPADA BUANGAN KEPADA KEDUDUKAN YANG TINGGI DAN PENGHURMATAN TELAH DICAPAI DENGAN MUDAH SEKALI.

DALAM MASA YANG SINGKAT SEJAK TIGA TAHUN LALU DR. MAHATHIR TELAH DAPAT MENGUBAH KEDUDUKANNYA DARIPADA AHLI UMNO BIASA KEPADA PUCUK PIMPINAN. -- BERSAMBUNG 1602/ZCM

554:
PROFMAIL-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG BARU INI BERUSIA 50 TAHUN. BELIAU LAHIR DI ALOR STAR PADA 20 DEC. 1925.

DR. MAHATHIR ATAU 'DUKUN UMNO' SEPERTI LEBIH DIKENALI DI-TAMPAT LAHIRNYA MENDAAT DIDIKAN AWAL DI SEKOLAH MELAYU SEBERANG PERAK DAN KEMUDIAN DI KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID.

SETELAH TAMAT DARI UNIVERSITI MALAYA, SINGAPURA DENGAN IJAZAH MBBS, BELIAU BERTUGAS SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN DI KEDAH DAN PERLIS SEBELUM BERHENTI DALAM TAHUN 1957 UNTUK MEMBUKA KELINIK SENDIRI.

DALAM TAHUN 1964 BELIAU BERTANDING DALAM PILEHANRAYA PARLIMEN KOTA STAR DAN MENANG. BELIAU TELAH KEHILANGAN KERUSI ITU KEPADA HAJI YUSOFF RAWA DARI PARTI PAS DALAM PILIHAN RAYA 1969.

PEMBUANGANNYA DARIPADA UMNO MENGIKUT TIDAK LAMA KEMUDIANNYA. SEBAGAI ORANG YANG MENERIMA KEGAGALAN SEBAGAI CABARAN, BELIAU TIDAK BERDIAM DIRI TETAPI BEKERJA KERAS DENGAN SABAR UNTUK MENEBUS SEMULA KEDUDUKANNYA. -- BERSAMBUNG 1608/ZCM

557:
PROFMAIL-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

USAHA-USAHANYA DAN KESABARANNYA MENDATANGKAN HASIL BILA BELIAU DITERIMA SEMULA KEDALAM UMNO DALAM TAHUN 1972 DAN SEKALI LAGI DI-PILEH SEBAGAI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI.

DALAM TAHUN 1973 BELIAU DILANTIK SEBAGAI SENATOR DAN DITUNJUK SEBAGAI Pengerusi FIMA.

SETELAH MEMENANGI KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU TANPA BERTANDING. DALAM PILIHANRAYA DR. MAHATHIR DILANTIK SEBAGAI MENTERI PELEJARAN DALAM KABINET BARISAN NASIONAL YANG PERTAMA PIMPINAN ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK.

+SAYA AKAN BERUSAHA UNTUK SEMUA RAKYAT,+ KATANYA SETELAH MEME-
GANG JAWATAN. -- BERSAMBUNG 1612/ZCM

558:
PROFAIL-MAHATHIR 4

KEAZAMANNYA UNTUK MELAKSANAKAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN SEPENUHNYA TELAH MENDAPAT SANJUNGAN BUKAN SAJA DARIPADA AHLI-AHLI PENDIDIK DAN INTELEK TETAPI JUGA DARIPADA ORANGRAMAI.

DR. MAHATHIR TERKENAL TENTANG KETEGASANNYA TETAPI BELIAU SENTIASA MELAKSANAKAN DASAR ITU DENGAN ADIL DAN HATI-HATI.

BELIAU YAKIN PENUH DALAM SATU BAHASA UNTUK MEWUJUDKAN SATU RUPABANGSA DAN IDENTITI. BELIAU MERASA RAKYAT MALAYSIA AKAN TERUS BERPECAH BELAH SELAGI MEREKA TIDAK MEMPUNYAI SATU BAHASA KEBANGSAAN.

SATU PERKEMBANGAN YANG TIDAK KURANG PENTINGNYA KEPADA PERTUMBUHAN INSTITUSI PELAJARAN TINGGI NEGARA INI YANG BERLAKU DALAM TEMPOH JAWATANNYA IALAH PELAKSANAAN AKTA UNIVERSITI DAN MAKTAB UNIVERSITI.

KATA TERSEBUT, ANTARA LAIN, BERTUJUAN MENGHARAMKAN PARA PENUNTUT DARI MEMEGANG JAWATAN DALAM KESATUAN-KESATUAN SEKERJA, PARTI-PARTI POLITIK DAN PERSATUAN-PERSATUAN PENUNTUT BERSEKUTU, ATAU DARIPADA SEBARANG YANG MENYATAKAN SOKONGAN ATAU SIMPATI ATAU PUN BANGKANGANNYA KEPADA MANA-MANA PARTI POLITIK ATAU KESATUAN SEKERJA. -- BERSAMBUNG 1620/SZ

559:
PROFAIL-MAHATHIR 5

WALAU PUN AKTA ITU PADA MULANYA MENDAPAT TENGANGAN DARIPADA PETUBUHAN-PETUBUHAN PELAJAR DAN POLITIK TERTENTU, IA BAGAIMANAPUN MENDAPATI SOKONGAN PENUH DARIPADA RAKYAT.

DR. MAHATHIR TELAH DAPAT MENYELESAIKAN KEKACAUAN PELAJAR BARU-BARU INI DI UNIVERSITI MALAYA DAN MIT DAN BERBAGAI MASALAH BERSANGKUTAN DENGAN PERHUBUNGAN PELAJAR-PELAJAR.

SEJAK MENGAMBIL ALIH KEMENTERIAN PELAJARAN BELIAU TELAH MEMBAWA BERBAGAI PERUBAHAN DAN KEMAJUAN YANG NYATA BAGI SISTEM PELAJARAN KESELURUHANNYA.

-- BERNAMA 1624/SZ